

Headline	RM7.1 juta untuk program baik pulih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	9
ArticleSize	197 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,787		



RM7.1 juta untuk program baik pulih

PEKAN 9 April - Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan dana sebanyak RM7.1 juta untuk program membaik pulih rumah termasuk masyarakat Orang Asli di seluruh negara dengan memanfaatkan seramai 186 buah keluarga pada tahun ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. (**gambar**) berkata, secara keseluruhannya sejak diperkenalkan menerusi Program Kemasyarakatan Lestari TNB, sebanyak RM28.7 juta dibelanjakan bagi tujuan tersebut.

"Melalui inisiatif tanggung-jawab sosial korporat (CSR) ini, sebanyak 1,198 penerima pelbagai kaum dibantu bagi meringankan



beban mereka termasuk di Pahang.

"Di sekitar Parlimen Pekan, sebanyak 100 buah rumah dalam kalangan masyarakat Orang Asli bakal menerima manfaat dengan peruntukan kira-kira RM600,000 untuk membaik pulih rumah juga menerusi Program Rumah Mesra Rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu keadaan sempena perasmian Projek Membaik Pulih Rumah-Rumah Golongan Miskin di Kampung Simpai yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini baru-baru ini.

Menurut Azman, Perdana Menteri pada majlis tersebut turut mengumumkan kerajaan akan me-

masang sebanyak 3,770 unit lampu jalan di jalan-jalari kampung di negeri ini bagi Projek Lampu Jalan Kampung 9 (LJK9).

"Daripada jumlah itu, sebanyak 45 unit lampu jenis *High Pressure Sodium Vapour* (HSPV) dipasang di 31 buah kampung di daerah ini yang bakal dimanfaatkan seramai 12,000 penduduk.

"Empat unit lampu jalan kampung juga akan dipasang di sekitar kawasan Kampung Orang Asli Simpai," katanya.

NAJIB TUN RAZAK
menandatangani plak ketika hadir dalam Program Lawatan Kerja dan Ramah Mesra Bersama Masyarakat Orang Asli Parlimen Pekan di Sekolah Kebangsaan Kampung Simpal, Pekan.

